

Rusuhan: Tindakan kerajaan disokong

UM 20 JAN 2002

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 19 Jan. — Pelbagai pihak menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada kerajaan untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pekerja asing yang cuba menimbulkan kekacauan di negara ini.

Menurut mereka, langkah itu wajar dan kena pada masanya kerana tindakan mereka bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi sudah mula menampakkan kecenderungan untuk mencabar kedaulatan negara.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, kerajaan sudah tidak boleh lagi berlembut kerana apa yang berlaku di Nilai, Negeri Sembilan kelmarin menunjukkan mereka telah menjadi semakin berani.

Kita berharap kerajaan tidak bertolak ansur lagi. Kalau perlu batal permit, batalkan permit mereka.

"Kalau perlu hantar balik, hantar balik segera. Mereka sudah semakin berani sekarang," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengu-

las amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada pekerja asing supaya meninggalkan Malaysia sekiranya negara ini tidak lagi baik bagi mereka.

Menurut Perdana Menteri, adalah malang sekali apabila orang luar yang datang menumpang untuk 'mencari makan' di Malaysia tiba-tiba merusuh kerana enggan mematuhi undang-undang dan peraturan negara ini.

Kelmarin, lebih 500 pekerja Indonesia yang tinggal di asrama kilang tekstil Hualon Cornoration (M) Sdn. Bhd. merusuh, menyerang serta membakar tiga buah kenderaan polis yang menjalankan operasi pencegahan dadah.

Menurut Suhaimi, pekerja berkenaan perlu sedar bahawa tindakan tidak bertanggungjawab itu sebenarnya mencurahkan pasir ke dalam periuk nasi mereka sendiri.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani berkata, pihaknya menyokong penuh segala tindakan tegas yang akan diambil oleh kerajaan.

Pada masa yang sama, katanya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu mencari

jalan terbaik memastikan golongan sebegini tidak kembali ke Malaysia.

"Selepas dihantar pulang kita perlu memikirkan cara dan kaedah bagaimana hendak memastikan golongan ganas ini tidak kembali ke negara ini," katanya.

Beliau menambah, kerajaan juga wajar memikirkan satu peraturan di mana setiap pekerja asing yang bekerja di negara ini akan diletakkan di bawah tanggungjawab pihak kedutaan negara masing-masing.

"Dengan itu kita tidak akan hanya mendengar ucapan maaf daripada kedutaan, sebaliknya satu langkah tegas, bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab daripada kerajaan negara terbabit," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara, Ezaruddin Abdul Rahman berkata, tindakan tegas perlu diambil bagi mengelak kejadian tersebut berulang.

"Lebih penting kita tidak mahu budaya samseng itu berkembang di sini iaitu merusuh apabila tidak puas hati," katanya.